

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 11 JUN 2012, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 25

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1252-L50571
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) jumlah Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang telah siap dibina di seluruh negara terutamanya di negeri Sarawak sejak skim ini diperkenalkan; dan
 - (b) apakah Kementerian dapat mengkaji untuk memasukkan kos penambakan tanah dan kos cerucuk (piling) dalam usaha meringankan beban kewangan para pemohon RMR.
2. PR-1252-L50101
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengesan, menyiasat dan mendakwa anggota-anggota polis yang bertindak ganas terhadap wartawan-wartawan dan peserta-peserta perhimpunan bersih 3.0 pada 28 April 2012 serta maklum balas Kerajaan terhadap ketetapan Majlis Peguam Malaysia mengenai keganasan polis semasa perhimpunan Bersih tersebut.
3. PR-1252-L49354
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan faktor-faktor yang membolehkan Felda Global Ventures Holdings (FGVH) sebagai penjana keuntungan kumpulan syarikat berstatus konglomerat global bagi menghasilkan dana apabila disenaraikan dalam Bursa Malaysia dan apakah status terkini mengenai firma global yang bakal menjadi rakan niaga strategik antarabangsa FGVH.

4. PR-1252-L50460
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah telah dijalankan kajian menyeluruh di peringkat nasional tentang beban tugas para guru, dan jika ada apakah dapatan-dapatan daripada kajian tersebut.
5. PR-1252-L50772
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kayu ukur kejayaan 'Himpunan Jutaan Belia' dalam sambutan Hari Belia Negara pada bulan Mei yang lalu serta sejauh mana ia menjadi pemangkin hala tuju golongan belia dalam cabaran terkini dan masa depan.
6. PR-1252-L50649
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak 2008, berapakah projek transformasi yang dianggap berjaya dan berapakah yang disangka kurang berjaya. Apakah faktor-faktornya.
7. PR-1252-L49478
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
 - (a) bilakah projek pembinaan stesen Kereta Api Bahau yang baru akan dimulakan; dan
 - (b) apakah komponen dalam perancangan pembangunan tersebut dan anggaran kos yang terlibat.
8. PR-1252-L49943
Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejak bilakah Program Insentif Peningkatan Hasil Padi diperkenalkan kepada pesawah di Malaysia dan apakah mekanisme yang digunakan dalam pelaksanaan program ini.
9. PR-1252-L49725
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan badan baru menggantikan Majlis Peguam Malaysia; dan
 - (b) apakah Kerajaan berpuashati dengan peranan yang dimainkan oleh Majlis Peguam Malaysia.
10. PR-1252-L49957
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan peranan Kementerian dalam usaha membantu menyelesaikan rungutan pengguna elektrik yang dibebankan dengan tunggakan bil yang tinggi berikutan bacaan meter elektrik yang tidak dibuat setiap bulan tetapi setiap 2 dan 3 bulan sekali.

11. PR-1252-L49856
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan peranan yang dimainkan oleh Kementerian untuk mengawal Perubatan '*Traditional Knowledge*' dari diciplak oleh negara asing.
12. PR-1252-L50436
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kejayaan dan kesan yang dicapai dalam program pertukaran pelajar antarabangsa.
13. PR-1252-L50120
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah purata bilangan pengguna harian Perkhidmatan Komuter dalam lima tahun kebelakangan ini dan senaraikan 10 stesen paling sibuk. Nyatakan apakah perancangan selanjutnya untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan komuter di Lembah Kelang.
14. PR-1252-L50540
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tahap pelaksanaan Jawatankuasa Media yang dicadang oleh Kerajaan. Adakah Jawatankuasa Media ini hanya akan ditubuhkan setelah pemansuhan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan digazet seperti industri media.
15. PR-1252-L49324
Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kerjasama atau langkah-langkah antara pihak Kementerian dan Kerajaan Negeri Terengganu dalam menarik minat pelaburan asing ke negeri Terengganu.
16. PR-1252-L49701
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan agensi apakah yang telah dilantik sebagai perunding cara proses pertukaran saham MAS-Air Asia. berapakah kadar yuran yang telah dibayar kepada perunding tersebut.
17. PR-1252-L49200
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan status projek pelaksanaan "*Rain Water Harvester*" di beberapa sekolah rendah semenjak pelaksanaannya bermula pada tahun 2006 di Parlimen Sri Aman.
18. PR-1252-L49380
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah usaha berterusan Kerajaan dalam mempromosikan produk pelancongan muslim secara lebih berkesan agar dapat memberi impak kepada 1.7 bilion pelancong muslim di seluruh dunia.

19. PR-1252-L49241

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai kemampuan yang mencukupi dari segi undang-undang dan kemahiran PDRM untuk menguruskan demonstrasi besar-besaran yang mungkin mengancam dan merosakkan harta benda serta keselamatan awam.

20. PR-1252-L50872

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk menambah menara telekomunikasi di kawasan Kampung Danau, Hulu Sibuti dan Bukit Peninjau untuk penggunaan telefon selular yang lebih jelas. Apakah tindakan Kerajaan kepada syarikat telekomunikasi yang tidak meningkatkan perkhidmatan Jalur Lebar 3G bagi Maxis dan Digi ke pekan seperti Bekenu, Batu Niah dan Sepupok.

21. PR-1252-L49677

Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

- (a) berapa peratus dan panjang jalan raya di Lebuh Raya Pan Borneo yang masih merupakan jalan raya dua hala; dan
- (b) adakah Kerajaan merancang untuk menaik taraf kepada jalan raya berkembar dua hala. Jika ada, tempoh pelaksanaan yang diperlukan.

22. PR-1252-L49191

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menangani masalah pendatang tanpa izin dan isu pemberian kewarganegaraan warga asing di Sabah; dan
- (b) sekiranya ya, bila ia akan ditubuhkan dan siapakah anggota Suruhanjaya ini.

23. PR-1252-L50676

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang bakal diambil oleh Kementerian untuk meneruskan usaha menaiktaraf bangunan sekolah seperti rumah kediaman guru, asrama murid, tandas, bilik darjah dan prasarana lain di semua sekolah luar bandar di Sarawak.

24. PR-1252-L50145
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan Dasar Transformasi Luar Bandar yang digariskan dalam membantu masyarakat Orang Asli terutama di negeri Pahang serta setakat mana pelaksanaan dan pencapaian yang telah dirancang.
25. PR-1252-L50086
Datuk Haji Abdul Wahab Bin Haji Dolah [Igan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah keselamatan rakyat Malaysia yang menyertai rombongan anjuran Tabung Haji Travel Sdn Bhd ke Baitulmuqaddis Palestin terjamin sepenuhnya.
26. PR-1252-L50267
Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini Skim Rumah Pertamaku dan statistik keseluruhan senarai permohonan yang telah diluluskan permohonan dan jumlah permohonan yang telah ditolak serta berapa banyakkah kawasan yang telah dibangunkan di bawah skim ini.
27. PR-1252-L49237
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan setiap tahun untuk menganjurkan Piala Monsun di Terengganu dan adakah kontrak penganjuran Piala Monsun akan dilanjutkan.
28. PR-1252-L50249
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fungsi dan peranan Akademi Undang-undang yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan.
29. PR-1252-L49869
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyakkah jumlah "exposure" Kerajaan di dalam MAS dan Penerbangan Malaysia.
30. PR-1252-L49386
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah natijah syarikat Puncak Semangat Sdn Bhd diberi 30MHz spectrum 4G/LTE pada blok 2.6Ghz sedangkan pelesen SKMM yang lain hanya diperuntukkan blok spectrum yang jauh berkurangan. Apakah pelaburan Puncak Semangat setakat ini untuk menepati semua syarat berkaitan pemberian spektrum tersebut.
31. PR-1252-L49174
Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapakah kos seunit elektrik dalam mengikuti kos generasi, transmisi serta pengedaran sejak 5 tahun yang lepas.

32. PR-1252-L50753

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan Program Bantuan Rumah (PBR) untuk kawasan luar bandar pedalaman Sarawak diberi bajet tambahan memandangkan kos pengangkutan agak tinggi dan kebanyakan tanah adalah tanah gambut yang amat teruk.

33. PR-1252-L50975

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sebab terdapat tiga plan loji penapisan petrokimia di Johor Selatan sedangkan projek di Tanjung Bin dan Tanjung Langsat masih belum mencapai tahap dunia. Mengapakah tidak difokus kepada satu kawasan sehingga mencapai tahap maksima memandangkan industri petrokimia mendatangkan impak tinggi kepada alam sekitar.

34. PR-1252-L50746

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapakah cadangan pembinaan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai tidak dilaksanakan walaupun telah dirancang dalam RMK-9 lagi.

35. PR-1252-L50375

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah dari tuntutan oleh JK Pilihan Khas (PSC) Penambahbaikan Pilihan Raya dan 8 tuntutan Bersih 2.0 yang akan dilaksanakan oleh SPR dalam PRU ke-13 nanti.

36. PR-1252-L50053

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah pembinaan Maktab Rendah Sains Mara akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Sekijang, memandangkan tapak pembinaannya telah lama diperolehi.

37. PR-1252-L49986

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pada tahun 2011 dan 2012 berapa ramaikah pengguna, penjual dan pembekal mercun dan bunga api haram yang sudah ditangkap, diambil tindakan dan dikenakan hukuman.

38. PR-1252-L50510

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) membenarkan PALAPES dijadikan satu lokaliti pengundi yang tidak perlu hadir.

39. PR-1252-L50802

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak pengurusan universiti terhadap mahasiswa yang mengadakan demonstrasi dan berkhemah di Dataran Merdeka pada April yang lalu dan sejauh mana pengaruh mereka kepada keseluruhan mahasiswa dalam negara.

40. PR-1252-L50346

Tuan Charles Anthony a/l R.Santiago [Klang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Kerajaan dan asas untuk membolehkan sebuah syarikat Taiwan Kuo Kuang Petrochemical untuk menempatkan semula ke Malaysia memandangkan prestasi persekitaran yang tidak memuaskan.

41. PR-1252-L50066

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pandangan Kementerian mengenai sisa-sisa toksid yang dikeluarkan oleh industri pengeluaran solar panel di China dan rasionalnya Kementerian meluluskan permohonan Syarikat Bosch bagi membina kilang yang serupa di Batu Kawan.

42. PR-1252-L49535

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan:-

- (a) jumlah harta intelek yang telah didaftar sejak tahun 2009 dan kategori pendaftaran; dan
- (b) apakah strategi pengurusan harta intelek yang dilaksanakan untuk melonjak negara ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi.

43. PR-1252-L49755

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pendirian dan tindakan Kerajaan terhadap amalan '*union busting*' yang diamalkan oleh majikan dengan penubuhan kesatuan sekerja baru serta sikap diskriminasi dan menindas terhadap kesatuan sekerja sedia ada.

44. PR-1252-L49798

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah defisit sebenar belanjawan bagi tahun 2011 dari segi jumlah dan peratusan. Apakah pendirian Kerajaan tentang amaran yang diberikan oleh sebuah agensi kewangan antarabangsa, Standard & Poor bahawa '*rating*' kewangan Malaysia akan diturunkan jika pemborosan oleh Kerajaan berterusan.

45. PR-1252-L49481
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah pegawai polis yang dikenalpasti melanggari tatatertib atau undang-undang pada hari perhimpunan Bersih 3.0. Nyatakan apakah mereka telah diambil tindakan yang sewajarnya. Apakah SOP terperinci yang diarahkan kepada pegawai yang bertugas untuk memastikan perhimpunan berjalan dengan selamat dan aman.
46. PR-1252-L50924
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi membendung indeks peningkatan masalah jenayah siber dan terdapat cadangan untuk mengkaji undang-undang sedia ada serta penglibatan agensi-agensi berkaitan dalam menangani jenayah komersial ini.
47. PR-1252-L50710
Tuan Sivarasa a/l K.Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah niat Kerajaan apabila Peraturan-peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya)(Pindaan)(No. 2) 2012 yang diwartakan pada 27 April 2012 tidak mewajibkan penggunaan dakwat kekal untuk pengundi awal yang telah diwajibkan untuk pengundi biasa.
48. PR-1252-L50846
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kadar jenayah di seluruh Negara untuk kesemua kategori (mengikut negeri) bagi tempoh Jan 2008 - Mei 2012 serta nyatakan jumlah kes yang berjaya diselesaikan dan masih tertangguh sehingga kini.
49. PR-1252-L49576
Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes kecurian kabel telefon dan kabel elektrik yang telah dilaporkan di Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri dalam masa 5 tahun yang lalu. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kecurian.
50. PR-1252-L49944
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bolehkah Kementerian mengubah hak milik bangunan flat PPH Paya Nahu 1, yang dimiliki oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kedah, serta memberi peruntukan untuk baik pulih supaya Kerajaan Negeri dapat menyelesaikan masalah penduduk flat PPH yang wujud sekian lama.

51. PR-1252-L50165
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) adakah Syarikat Kuokuang Petrochemical Technology Co. telah mendapat persetujuan dari Kerajaan Taiwan untuk melabur dalam projek RAPID di Pengerang, Johor; dan
- (b) adakah Kementerian telah menjalankan Laporan dan Pelaksanaan Penilaian Kesan Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment*) terhadap projek ini sebelum membenarkan syarikat ini melabur di Pengerang.
52. PR-1252-L50417
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada YB Menteri puashati terhadap cara DBKL dan polis menangani isu orang yang menjual burger dan membuat kelakuan tidak senonoh di hadapan kediaman Pengerusi Bersih, Dato Ambiga Sreenevasan. Apakah yang dilakukan oleh YB Menteri untuk memberi perlindungan kepada Ambiga dan keluarganya.
53. PR-1252-L49736
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan dan peratusan yang berjaya memiliki Rumah Mesra Rakyat (RMR) mengikut pecahan di setiap negeri setiap rancangan ini mula dilaksanakan. Apakah tindakan Kerajaan untuk membantu mengurangkan beban pembeli rumah itu disebabkan faktor kenaikan kos binaan dan harga tanah.
54. PR-1252-L49528
Tan Sri Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perlu khidmat seseorang pegawai Kerajaan disambung semula apabila dia mencapai umur untuk bersara.
55. PR-1252-L49689
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab mengapa Panel Penasihat Bebas ditubuh untuk menyalasat keganasan Bersih 3.0 dan bukannya satu Suruhanjaya Siasatan Diraja atau Siasatan Suhakam serta mengapakah Tun Hanif Omar dilantik sungguhpun beliau pernah membuat kenyataan yang prejudis terhadap perhimpunan Bersih 3.0.
56. PR-1252-L50889
Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan kawasan Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) yang telah atau sedang dilaksanakan. Adakah wujud peruntukan oleh Kementerian bagi melaksanakan lebih banyak Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) di masa hadapan dan kawasan kawasan yang telah dikenalpasti oleh Kementerian bagi melaksanakan PR1MA pada masa akan datang.

57. PR-1252-L50701
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kadar subsidi atas beras dan berapakah jumlah subsidi Kerajaan atas beras untuk negeri Sarawak dalam tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012 (hingga 31-5-2012) dan negeri-negeri lain masing-masing.
58. PR-1252-L50832
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah anggaran kos yang telah dibelanjakan untuk kempen "Sungaiku Hidupku" dan sejauh manakah keberkesanan kempen tersebut dalam memastikan rakyat memahami kepentingan sungai.
59. PR-1252-L50365
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos perbelanjaan setiap lawatan rasmi YAB. Perdana Menteri ke negeri Kelantan sejak memegang jawatan.
60. PR-1252-L50597
Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan sama ada terdapat bantuan Kementerian dalam usaha mengecat semula bangunan rumah-rumah pangsa swasta yang uzur dan usang. Jika ada, apakah kriteria dan berapakah kes permohonan serta jumlah peruntukan telah diluluskan setakat ini. Jika tidak, mengapa.
61. PR-1252-L49930
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab-sebab penaiktarafan Jalan Bukit Huang-Sekumang ke Tanjung Manis ditundakan ke rolling plan akan datang memandangkan semua rancangan adalah disusun mengikut jadual sedangkan ia perlu dipercepatkan naik taraf. Nyatakan juga rancangan Kerajaan mengenai jaringan jalan raya dari Sarikei ke Bandar sekitarnya.
62. PR-1252-L50273
Datuk Wira Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula berat minimum dadah untuk dikenakan hukuman. Sebagai contoh hukuman hanya dikenakan kepada pengedar heroin yang memiliki dadah lebih 15 gram di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak boleh dijamin, manakala pengedar dadah yang memiliki kurang 15 gram boleh dijamin dan ini memberi kesan berlaku ketidakpuasan hati beberapa pihak.

63. PR-1252-L49350
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pihak polis telah bertindak ganas dengan memukul para peserta dalam himpunan Bersih 3.0 pada 28 April 2012 walaupun peserta-peserta ini telah berhimpun dan berundur secara aman setelah diarah oleh pihak berkuasa.
64. PR-1252-L50793
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan masa depan rakyat Malaysia yang berhajat untuk menunaikan umrah dan haji berikutnya perhimpunan haram BERSIH 3.0 di tanah suci Makkah dan Masjid Nabawi, Madinah yang tidak disenangi pemerintah Kerajaan Arab Saudi.
65. PR-1252-L49424
Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan SPAD dalam menentukan perkhidmatan pengangkutan awam akan terus ditambah baik dan ditingkatkan terutama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
66. PR-1252-L49225
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah nilai (RM) dan peratus ekuiti mengikut warganegara/kaum pada tahun 2000, 2005, 2008 dan 2011 serta usaha-usaha konkret untuk menambahkan ekuiti kaum bumiputera agar selaras dengan komposisi kaum.
67. PR-1252-L50929
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semenjak MAS - AirAsia share swap dimansuhkan (*unwound*), apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh MAS untuk melupuskan pelantikan bekas-bekas pegawai AirAsia atau individu atau syarikat yang berkaitan dengan AirAsia terutamanya En Shane Nollan (Pemangku Pengarah Komersial), En Rozman Omar (CFO), En Azhari Dahlan (Ketua Kejuruteraan) yang kedua-duanya tidak mempunyai status "*Nominated Post Holder*" oleh DCA dan/atau EASA dan PlaneConsult, konsultan AirAsia, untuk memastikan tidak terdapat sebarang unsur Percanggahan Kepentingan (*Conflict of Interest*) dalam keputusan-keputusan mereka demi mempertahankan kepentingan MAS.
68. PR-1252-L50655
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian terhadap negeri-negeri yang masih belum berhijrah ke rejim baru untuk mengemas kini pembekalan air bersih bagi kegunaan para pengguna di negara ini.

69. PR-1252-L50320
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa peluru “tear gas” telah dilepaskan pada 28.4.2012 di perhimpunan Bersih 3.0 dan kos setiap peluru “tear gas”.
70. PR-1252-L50077
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada tanah akan diberikan untuk Sekolah Tamil Castlefield, Puchong dan sekiranya tidak, kenapa.
71. PR-1252-L49482
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tembakan gas pemedih mata yang dilepaskan oleh anggota yang bertugas, perbelanjaan pada hari perhimpunan Bersih 3.0.
72. PR-1252-L49906
Tuan Manikavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat melupuskan kutipan tol di plaza tol Batu Tiga dan Sungai Rasau di lebuhraya Persekutuan. Nyatakan tempoh perlaksaan jika ada atau sebab-sebab jika tidak.
73. PR-1252-L50001
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci butir-butir syarikat, berapakah jumlah kos pembinaan Lapangan Terbang Kuala Terengganu serta kos sampingan terkini termasuk *variation order* (vo) projek awam tersebut.
74. PR-1252-L50631
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apa tindakan yang akan diambil terhadap penganjur Bersih 3.0 dan seorang senator dari Australia memandangkan mereka telah melanggar Akta Himpunan Aman.
75. PR-1252-L49632
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional penyenaraian FELDA melalui Felda Global Venture Holdings (FGVH) boleh menjamin dan menyakinkan rakyat berhubung kekuatan ekonomi negara dalam meningkatkan taraf hidup rakyat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020.
76. PR-1252-L50641
Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian telah melaksanakan 28 perakuan Jawatankuasa Kerja Pelaksana Menangani Isu Beban Tugas Guru bagi menangani 14 isu beban tugas guru dan nyatakan bilangan Pembantu Tadbir N17 yang ditempatkan sebagai perintis pengurangan tugas perkeranian serta nyatakan impaknya.

77. PR-1252-L50319

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan oleh SPR terhadap cadangan-cadangan yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berkenaan Penambahbaikan Sistem Pilihanraya dan adakah proses bantahan semasa penamaan calon telah dimansuhkan seperti yang dicadangkan.

78. PR-1252-L49249

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan tegas terhadap individu-individu dan pertubuhan-pertubuhan yang terlibat di dalam rusuhan dan demonstrasi jalanan yang memusnahkan harta benda awam.

79. PR-1252-L50991

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah tindakan yang akan diambil terhadap akhbar The New Straits Times (NST) yang baru-baru ini sengaja menyiarakan laporan palsu dan dakwaan yang tidak berasas terhadap Senator Australia, Nick Xenophon; dan
- (b) tidakkah Kerajaan merasakan tindakan NST ini akan menjelaskan hubungan antara Malaysia dengan Australia.

80. PR-1252-L50645

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sama ada Kerajaan bercadang membentangkan Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya baru bagi menggantikan lima pindaan yang ditarik balik pada bulan Mei; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menjemput pihak pembangkang bagi membincangkan sebarang Rang Undang-undang Pilihan Raya ataupun perkara-perkara yang berkaitan selain daripada PSC.

81. PR-1252-L50475

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Tun Hanif Omar dipilih sebagai Pengurus Jawatan kuasa penyiasat BERSIH 3.0 sedangkan beliau jelas berpihak dalam isu ini.

82. PR-1252-L49335
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan majikan yang melanggar Akta Perusahaan 1967, disamping itu memberi keyakinan pada pemimpin kesatuan tentang hak mereka.
83. PR-1252-L50824
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat apa-apa pindaan kepada peraturan pilihan raya khususnya berkaitan peraturan pengundi pos bagi membenarkan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara untuk mengundi secara pos. (Sekarang ini hanya pegawai konsulat, pelajar sepenuh masa dan isteri-suami kepada pelajar itu sahaja yang boleh mengundi secara pos).
84. PR-1252-L50414
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan punca wang dividen sebanyak RM1.69 bilion yang diperuntukkan kepada peneroka FELDA sempena penyenaraian Felda Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Malaysia.
85. PR-1252-L49851
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah cukai langsung dan tidak langsung terlebih bayar yang terkumpul setakat ini dan apakah rancangan Kerajaan untuk menguruskannya dengan efisen serta masalah-masalah yang dihadapi sehingga kini.
86. PR-1252-L49437
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan rasional di sebalik pelancaran kad diskaun bagi para pelajar yang disasarkan bakal disertai lebih daripada 20 syarikat:-
- berapakah jumlah pelajar yang akan mendapat manfaat ini; dan
 - senaraikan syarikat-syarikat yang telah memberikan persetujuan untuk turut serta.
87. PR-1252-L49605
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jenis-jenis kad pengenalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) selain MYKAD, dan apakah ciri-ciri berbeza pada kad-kad pengenalan bagi penduduk tetap, penduduk sementara dan pemegang IMM13. Adakah ciri-ciri itu meliputi tarikh tamat atau luput pada kad-kad itu.

88. PR-1252-L50684
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan cara pemberian tender membangun projek agropolitan di Kampong Gana, Gerik, Perak dan rasional memperuntukkan RM 60 juta kepada hanya kepada kurang dari 3000 orang peserta untuk membangunkan penanaman getah dan kelapa sawit.
89. PR-1252-L50884
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar Malaysia yang mendapat keputusan cemerlang di universiti luar negara dari tahun 2008 hingga 2011
90. PR-1252-L50553
Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah penduduk Bukit Gantang yang terlibat dengan Projek Lebuh Raya Pantai Changkat Jering-Klang, serta berapakah anggaran ganti rugi yang akan dibayar.
91. PR-1252-L49525
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan :-
(a) apakah fungsi sebenar Dataran Merdeka, permohonan-permohonan yang diterima dan ditolak untuk menggunakan dataran, sebab-sebab penolakan; dan
(b) mengapakah permohonan pengajur Perhimpunan Bersih 3.0 Duduk Bantah ditolak sedangkan sewaktu dipohon ia dinyatakan perhimpunan aman pada 28 April 2012.
92. PR-1252-L49814
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina SK Tanjung baru untuk menggantikan yang sedia ada yang dihakis oleh Sungai Limbang.
93. PR-1252-L50736
Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kuota haji setiap tahun mulai 2008 hingga 2012.
94. PR-1252-L49552
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kesan kepada kepentingan Malaysia yang timbul daripada pertikaian antara China dan Filipina ke atas Kepulauan Sparately dan cadangan Kerajaan untuk mengelakkan perperangan antara kedua-dua negara.

95. PR-1252-L50960

Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

- (a) jumlah keuntungan sebenar semua syarikat konsesi tol lebuh raya di Malaysia sepanjang tempoh 2010 hingga 2012; dan
- (b) jumlah pampasan yang dibayar oleh kerajaan kepada syarikat konsesi lebuh raya ekoran penutupan beberapa tol dalam tempoh 2008 hingga kini.

96. PR-1252-L50279

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-

- (a) adakah cadangan untuk membina suatu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) baru di bandar Sg.Siput dalam tempoh RM Ke-10; dan
- (b) apakah amaum yang diperuntukan bagi tahun 2012 untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan (repair) bagi SRKJ (T) Gandhi.

97. PR-1252-L50035

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) langkah Kerajaan dalam menghadapi reaksi Majlis Peguam yang bersikap "unprofessional" dalam EGMnya pada baru-baru ini; dan
- (b) cadangan penubuhan Akademi Peguam yang bertujuan membuka keahliannya kepada pihak yang mempunyai latar belakang undang-undang dan bukannya terbatas kepada golongan peguam.

98. PR-1252-L50229

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan:-

- (a) secara terperinci jumlah pelancong yang memasuki Negara ini melalui pintu masuk di Bukit Bunga dan Rantau Panjang sepanjang tahun 2008 hingga 2011; dan
- (b) apakah perancangan yang ingin dilakukan bagi meningkatkan lagi jumlah kemasukan pelancong bagi kedua-dua pintu masuk tersebut.

99. PR-1252-L50119
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan swasta pada tahun 2011 dan kadar pertumbuhannya, berjayakah strategi yang dirancang oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat pertumbuhan pelaburan swasta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.
100. PR-1252-L49904
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) sejak kebelakangan ini didapati program-program yang dikhkususkan untuk kaum Cina dan India makin berkurangan di saluran RTM TV1 dan RTM TV2. Mengapakah perkara ini berlaku; dan
 - (b) jika tidak nyatakan senarai program-program yang disiarkan khususnya untuk kaum Cina dan India mengikut hari dan masa siaran di RTM TV1 dan TV2.
101. PR-1252-L50377
Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan mengikut negeri yang masuk ke dalam negara sepanjang tahun 2011 dan Q1 tahun 2012 dan senaraikan negara-negara yang melabur serta jumlah pelaburan masing-masing.
102. PR-1252-L49353
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik bilangan pemohon-pemohon bagi pendaftaran lewat Sijil Kelahiran serta Kad Pengenalan dan anggaran jumlah rakyat Malaysia yang masih tidak mempunyai dokumen-dokumen sah termasuk Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan mengikut kaum, jantina dan umur di Negara.
103. PR-1252-L50422
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah kes jenayah yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah.
104. PR-1252-L49633
Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan sebuah badan atau badan-badan guaman berasingan yang mempunyai fungsi, kuasa dan bidangkuasa sama seperti Malaysian Bar atau Majlis Peguam seperti yang diperuntukkan dibawah Akta Guaman 1976/ Legal Profession Act (Akta 166) untuk membolehkan para peguam mempunyai pilihan untuk menyertai badan guaman pilihan mereka sesuai dengan semangat demokrasi, hak memilih dan kebebasan hak asasi seperti yang diamalkan di Amerika Syarikat dan lain-lain negara maju.

105. PR-1252-L50413

Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa rakyat Malaysia, kaum Bumiputera dari Sabah dan Sarawak diiktirafkan sebagai bangsa lain-lain dalam borang borang rasmi Kerajaan. Bolehkah mereka dikategorikan sebagai kaum bumiputera Sabah/Sarawak.

106. PR-1252-L50098

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membina sebuah balai bomba baru di Serkat kawasan Parlimen Tanjung Piai

107. PR-1252-L50511

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kewujudan operasi khas yang bernama Ops 2020 yang digunakan untuk mempengaruhi undi pelajar dalam pilihanraya umum di samping itu, digunakan untuk campur tangan dalam pilihan raya kampus.

108. PR-1252-L50612

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan setakat manakah sambutan yang diterima terhadap cadangan penubuhan Parlimen Belia. Apakah fungsi Parlimen Belia dan bagaimana kaedah pemilihan seseorang yang ingin menjadi Ahli Parlimen Belia.

109. PR-1252-L50090

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada peranan dan tanggungjawab guru-guru boleh dipastikan dan lebih fokus supaya mereka boleh menumpukan perhatian terhadap masa mereka untuk digunakan lebih tepat dan efisien supaya dapat memastikan pengeluaran dan pencapaian lebih banyak murid-murid yang lebih cemerlang.

110. PR-1252-L49304

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan Peruntukan Khas untuk program J-Qaf telah tidak lagi diberi sejak tahun kebelakangan ini. Keadaan ini menyebabkan program ini terpaksa bergantung kepada peruntukan asas per kapita yang sedia terhad itu. Apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi perkara ini.

111. PR-1252-L49585

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pekebun kecil di seluruh negara mendapat manfaat menerusi pelbagai skim dan program pembangunan tanaman getah yang dilaksanakan setakat ini.

112. PR-1252-L51007

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dana Kerajaan yang digunakan di dalam menangani permasalahan salahguna dadah semenjak tahun 2000 sehingga 2012. Sila nyatakan keberkesanan perbelanjaan tersebut.

113. PR-1252-L49355

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah pengurusan Pelabuhan Pulau Pinang Berhad mengambil tindakan untuk merobohkan Kuil Hindu berusia sekitar 40 tahun di kawasan pelabuhan tanpa memberi tapak alternatif untuk Kuil tersebut.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

- * Rang Undang-undang Pelindung (Pindaan) 2012

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | Bacaan Kali
Yang Kedua |
|----|---|---|-----------------------------------|
| 1. | (D.R. 22/2012) Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | “ |
| 2. | (D.R. 24/2012) Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2012 | [Menteri Kesihatan] | “ |
| 3. | (D.R. 19/2012) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012 | [Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar] | “ |
| 4. | PR-1252-U49220
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:- | | |

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pelbagai program tajaan kerajaan seperti program 1Azam, telah banyak memberikan manfaat kepada rakyat, khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan disenaraikan dalam senarai e-kasih. Program eredikasi kemiskinan ini telah melangkau jauh dalam meningkatkan ekonomi masyarakat terutama sekali masyarakat luar bandar". Dan mengambil maklum bahawa senarai e-kasih yang ada pada ketika ini hanya mendaftarkan kebanyakannya, ketua isi rumah tetapi tidak mendaftarkan isi rumah, misalnya anak-anak mereka. Dan mengambil maklum bahawa, satu daripada syarat utama untuk memohon untuk mengikuti program 1Azam, pemohon hendaklah dari kalangan mereka yang telah didaftarkan dalam senarai e-kasih. Dan mengambil maklum juga bahawa faktor-faktor ini telah menghadkan peluang-peluang bagi isi rumah senarai e-kasih, bagi mengikuti program eredikasi kemiskinan tajaan Kerajaan seperti program 1Azam. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan agar dapat memberikan kelonggaran syarat kemasukan bagi program erediksi kemiskinan tajaan Kerajaan, misalnya program 1Azam, agar kumpulan sasar ini dapat mengikuti program tersebut dan sekali gus merealisasikan hasrat Kerajaan menjadikan negara sifar kemiskinan menjelang tahun 2020. "

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

5. PR-1252-U49224

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa daripada 10 kawasan pemuliharaan utama (Priority Conservation Area-PCA) yang terdapat dalam kawasan Rantau-ECO Marin (Marine Ecoregion) di Lautan Sulu dan Lautan Suluwesi, 3 kawasan yang dimaksudkan terletak di negeri Sabah yang dilabelkan sebagai kawasan merah, yakni kawsan yang terkaya dengan kepelbagaian hidupan marin." Dan mengambil maklum bahawa, antara lain kepelbagaian hidupan marin ini adalah merangkumi 3500 spesis ikan, terumbu karang, 7 spesis penyu, dolphine dan paus. Dan mengambil maklum bahawa Taman Marin Tun Mustapha di Banggi Kudat, Trusan Kinabatangan, di Sandakan dan Darvel Bay di Tawau merupakan nadi utama hidupan dan ekosistem marin di negara ini. Dan mengambil maklum bahawa, aktiviti perikanan dan ekonomi telah secara perlahan mengancam kepelbagaian ekomarin ini dan memerlukan usaha konkret untuk pemuliharaan dan penjagaan. Maka Dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, untuk menjadikan ketiga-tiga kawasan ini sebagai kawasan pemuliharaan bagi melindungi sistem eko dan bio marin kawasan ini."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

6. PR-1252-U50665

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbincangkan langkah-langkah dan peruntukan tahunan yang diperlu untuk memastikan keselamatan negara. Bahawa Dewan juga memperbahaskan cara-cara yang diperlukan untuk menentukan langkah-langkah tersebut tidak boleh disalahgunakan."

(Menteri Dalam Negeri)

7. PR-1252-U50666

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendiskusikan keadaan dadah di Malaysia termasuk matlamat untuk mencapai tahap bebas dadah pada 2015. Bahawa Dewan juga mendebatkan kaedah yang berkesan untuk membanteraskan wabak dadah di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)

8. PR-1252-U49764

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincangkan dan menetapkan dengan seriusnya mengenai ketetapan rakyat khasnya di Sabah agar ditubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja berkaitan dengan pengeluaran dokumen kerakyatan Malaysia kepada rakyat-rakyat asing yang bermastautin di Sabah secara berleluasa sehingga telah mengakibatkan pertambahan penduduk yang begitu tinggi dengan kadar mencecah 390% dalam masa 40 tahun (1970-2010) demi kedaulatan Negara"

(Perdana Menteri)

9. PR-1252-U49765

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan menetapkan supaya harga runcit barang keperluan harian dapat diseragamkan agar semua rakyat mendapat manfaat konsep 1Malaysia tanpa ada perbezaan baik di Wilayah Persekutuan maupun di negeri-negeri. Sayugia, dengan keadaan yang ada pada masa kini, jelas tidak mencerminkan keseragaman taraf hidup yang sama rata dengan slogan rakyat didahulukan dan pencapaian bersama diutamakan."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

10. PR-1252-U49766

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dengan seriusnya supaya kelulusan senantiasa diutamakan dalam semua bidang pelaksanaan serta pendapatan khasnya kepada pemimpin atasan memandangkan terlalu rendah kepada rakyat biasa dan golongan sederhana. Perbezaan ruang yang jauh ketara dalam kedudukan pemimpin dengan pendapatan tinggi dapat dilihat jurang perbezaannya maka hal ini haruslah diguna sebagai kayu ukuran taraf kehidupan seseorang."

(Perdana Menteri)

11. PR-1252-U49895

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihanraya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapinya sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

12. PR-1252-U49523

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa gaji minima untuk setiap pekerja patut dan tidak boleh kurang dari RM1,100 setiap bulan dan Kementerian Sumber Manusia perlu implemantiskannya dengan kadar segera."

(Menteri Sumber Manusia)

13. PR-1252-U49458

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengaji semula kadar bayaran insuran ke atas kenderaan motorsikal yang sedia ada bagi meringankan beban hidup masyarakat terutamanya di luar bandar kerana motorsikal merupakan sesuatu kemudahan yang diperlukan."

(Menteri Kewangan)

14. PR-1252-U49459

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirehat dan siang hari bekerja."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

15. PR-1252-U49460

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini minta mengadakan satu mekanisme untuk menghalang warga bukan negara dari menikmati subsidi ke atas barang seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

16. PR-1252-U49461

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambahnilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahkan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen Minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

(Menteri Kerja Raya)

17. PR-1252-U49972

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membahaskan adakah kandungan dan kualiti alat solek/kosmetik serta pil-pil pelangsingan badan yang pelbagai jenama dari dalam dan luar negara yang dijual di pasaran kini diluluskan oleh pihak berkuasa".

(Menteri Kesihatan)

18. PR-1252-U49973

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan sejauh manakah berkesannya kempen hari Sabtu Tanpa Beg Plastik di pasaraya-pasaraya terhadap pengurangan penggunaan beg plastik dan kesedaran orang ramai untuk mengurangkan penggunaan beg plastik yang mengakibatkan ancaman terhadap alam sekitar".

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

19. PR-1252-U49974

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan untuk memberi lebih banyak peluang kepada rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan kaum untuk menjawat jawatan di dalam sektor awam untuk mengurangkan jurang ketidakseimbangan."

(Perdana Menteri)

20. PR-1252-U49976

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengadakan satu mata pelajaran tambahan di sekolah yang mengajar mengenai agama, adat istiadat, budaya serta cara hidup semua kaum di negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum supaya dapat memupuk rasa saling hormat menghormati antara kaum dan isu-isu perkauman dapat dihindari."

(Menteri Pelajaran)

21. PR-1252-U49978

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat meminta Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan Wifi di seluruh negara dengan harga yang rendah atau berpatutan supaya semua rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat dapat menggunakan internet dan menambahkan pengetahuan mereka."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

22. PR-1252-U49979

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mendesak pengusaha-pengusaha stesen minyak untuk menyediakan lebih banyak perkhidmatan men bekalkan gas bagi mengalakkan lebih ramai orang menggunakan gas bagi kenderaan mereka yang mana ini dapat mengurangkan pencemaran udara dan menjimatkan."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

23. PR-1252-U49982

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mencadangkan bahawa kesemua rakyat yang mempunyai kad OKU (Orang Kurang Upaya) boleh mendapatkan bantuan kewangan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat secara automatik dan limit minima bantuan kewangan dapat ditambah kepada RM 500 sebulan memandangkan kosa sara hidup yang semakin hari semakin meningkat."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

24. PR-1252-U49987

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat meminta Kerajaan untuk menubuhkan kursus atau kelas khas bagi ahli-ahli sukan di negara ini untuk mendidik mereka berintegriti, mempunyai nilai budaya yang tinggi, mempunyai semangat patriotik, kesukaran dan tanggungjawab untuk membasmi isu rasuah sukan."

(Menteri Belia dan Sukan)

25. PR-1252-U49989

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan cara-cara untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap isu perubahan iklim dan pemanasan global dan cara-cara untuk mengatasinya serta kesannya terhadap alam sekitar dan kehidupan."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

26. PR-1252-U49993

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya Kerajaan membuat keputusan untuk mengurangkan kehadiran pekerja asing di negara ini memandangkan gaji minima sekarang adalah RM 900 dan warga Malaysia sanggup bekerja dengan gaji minima tersebut. Kehadiran pekerja asing kini tidak terkawal menyebabkan peluang pekerjaan warga tempatan tergugat dan masalah sosial dan jenayah oleh pekerja asing meningkat."

(Menteri Sumber Manusia)

27. PR-1252-U50790

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat untuk meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

(Menteri Pertahanan)

28. PR-1252-U49264

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum dan melarang anasir/golongan yang mengamalkan ajaran sesat, budaya, amalan serta tabiat songsang daripada menjadi ahli Dewan Rakyat:

1. Sebagai negara Islam yang mengamalkan nilai-nilai murni sudah tiba masanya Perlembagaan negara kita diperkuuhkan lagi demi masa depan anak-anak kita.
2. Ancaman budaya songsang adalah benar dan nyata. Jika dilihat di beberapa negara Barat, golongan yang mengamalkan budaya songsang telah menerap masuk ke dalam sistem pentadbiran negara dan mencorak dasar Kerajaan.
3. Mungkin sudah ada masyarakat Barat yang sanggup dipimpin oleh golongan gay atau lesbian tetapi apakah kita di Malaysia sanggup.
4. Saya mencadangkan agar ahli Dewan Rakyat memandang serius ancaman budaya songsang ini dan membuat ketetapan serta apa-apa pindaan undang-undang yang perlu untuk melarang anak-anak kita daripada dilanda musibah di masa hadapan.
5. Saya tidak ingin merujuk pada mana-mana individu, yang hidup ataupun yang belum mati, tetapi kita tidak boleh membiarkan Dewan Rakyat yang mulia dicemarkan golongan yang songsang.
6. Saya pasti bukan saja Islam, malah semua agama yang diiktiraf di dunia ini melarang amalan-amalan songsang yang diterma sebagai - LGBT .
7. LGBT adalah ancaman kepada masyarakat Malaysia yang beragama dan berpegang kepada nilai-nilai murni yang diwarisi turun-temurun.
8. Saya pasti tidak ada satu pun bangsa di dalam negara kita ini yang ingin dipimpin oleh golongan songsang ini.
9. Adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota Dewan Rakyat, yang dipilih rakyat untuk menjaga kepentingan masyarakat serta keselamatan negara ini, menyokong usul untuk memperkuuhkan teras kita sebagai sebuah negara yang bertamadun. "

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

29. PR-1252-U50169

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 dimana Negara-negara yang masih mengamal hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

30. PR-1252-U50171

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Menteri Sumber Manusia)

31. PR-1252-U50172

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Suruhanjaya Integriti Agensi Pengaukuasaan (SIAP) menjalankan siasatan ke atas kematian Adik Aminulrasyid yang ditembak mati oleh anggota polis. Dewan juga mendesak mengenai perlantikan panel khas di dalam siasatan kes ini. Polis didakwa menyalah gunakan senjata api sehingga menyebabkan Aminulrasyid terbunuh oleh polis. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalannya dan diharap agar Suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

(Perdana Menteri)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 11.6.2012 (Isnin)	1. YB. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)	1. Restoran Imbi Palace Diroboh Tanpa Notis.	1. YAB Perdana Menteri
2. 11.6.2012 (Isnin)	2. YB Tuan Jeff Ooi (Jelutong)	2. Gagasan Kerajaan untuk menubuhkan satu alternatif bagi menandingi dan menyaingi Persatuan Peguam Malaysia (Bar Council) adalah satu langkah yang merbahaya.	2. YAB Perdana Menteri